

**ISLAM DAN PLURALISME AGAMA: MEMPERKUKUH TAUHID PADA ZAMAN KEKELIRUAN** oleh Khalif Muammar A. Harris. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Pertama, 2015. Mengandungi 220 halaman, ISBN 978-983-46-1924-4.

Buku yang dihasilkan oleh Dr. Khalif Muammar A. Harris ini mengandungi dua bab penting iaitu dimulakan dengan perbincangan tentang **Kritik terhadap Pluralisme Agama** yang diterangkan dalam tujuh pecahan di bawahnya dan diikuti dengan bab seterusnya iaitu **Islam: Agama Sebenar** yang turut diperbincangkan dalam tujuh pecahan di bawahnya dan diikuti dengan penutup. Beliau merupakan Profesor Madya di *Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS)*, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur dan juga merupakan panel Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Pada bab pertama, penulis memulakan perbincangan dengan menfokuskan kepada **Latar Sejarah Pluralisme Agama**. Pecahan pertama ini membicarakan tentang rancaknya kemunculan fahaman pluralisme agama pada abad ke-20 di dunia Barat adalah difaktorkan oleh senario pertumpahan darah yang berlaku di dunia ini yang berpunca daripada sikap eksklusif dalam mendakwa kebenaran (*truth claim*). Bertitik tolak daripada andaian berkenaan, maka ramai pemikir dan ahli teologi Barat mendokong fahaman pluralisme agama adalah satu-satunya jalan keluar dalam menangani sikap saling memusuhi dan tidak toleran masyarakat beragama (*religious intolerance*), baik sesama penganut Kristian-Katolik, Protestan, Mormon, dan lain-lain mahupun antara penganut Kristian dengan penganut Yahudi ataupun ketegangan antara dunia Barat dengan dunia Islam. Oleh sebab itu, pluralisme semakin mendapat tempat dan rancak dibicarakan di dunia Islam khususnya selepas peristiwa 11 September 2001 yang dilihat sebagai respon balas dalam menangani sikap ekstrimisme dan terorisme yang dilakukan oleh segelintir kecil umat Islam.

Penulis buku ini turut menjelaskan bahawa akar pluralisme agama adalah berada dalam sejarah pengalaman masyarakat Barat. Dibuktikan bahawa pada peringkat awal, kaum Nasrani mengamalkan sikap eksklusif terhadap penganut agama yang lain. Sikap ini terakam dalam ungkapan “*extra ecclesiam nulla salus*” yang wujud sejak abad ke-3 Masihi lagi. Ungkapan tersebut bermaksud ‘di luar gereja tiada keselamatan’. Sikap yang sama juga berlaku dalam kalangan masyarakat Yahudi. Fahaman eksklusivisme ini telah melahirkan ketegangan dan peperangan yang dahsyat di Eropah. Akibatnya, inklusivisme muncul dalam pemikiran keagamaan di Barat sebagai reaksi terhadap kegagalan eksklusivisme. Karl Rahner, ahli teologi terkemuka yang mendukung inklusivisme, mengatakan bahawa orang-orang dari agama lain akan mendapat keselamatan dengan rahmat Tuhan, walaupun kekal dalam agama mereka, kerana mereka ialah “Orang Kristian yang tidak dikenali *Christians*” (*anonymous Christians*). Pandangan tersebut turut disokong oleh C. S. Lewis dari agama Nasrani. Bukti di atas menunjukkan bahawa berlakunya peralihan dari satu pendekatan dan sikap yang eksklusif kepada sikap inklusif. Namun inklusivisme juga dilihat tidak cukup kerana masih menilai agama

lain dari perspektif agama sendiri yang dianggap lebih unggul. Maka diperkenalkan pula pluralisme agama untuk melihat semua agama dari perspektif yang kononnya lebih terbuka. Pluralisme dibangunkan oleh beberapa ahli teologi Kristian yang liberal dan ekumenis seperti Wilfred Cantwell Smith (1916-2000) dan John Hick (1922).

Seterusnya dalam bab pertama, pecahan kedua iaitu **Pengaruh Sekularisme dan Liberalisme**, Dr. Khalif Muammar membicarakan tentang Sekularisme bukan hanya sebagai suatu faham yang memberikan tumpuan kepada aspek-aspek keduniaan (*worldly life*) tetapi juga sebagai program falsafah yang cuba mentafsirkan realiti dan kebenaran berdasarkan rasionalisme murni. Para ahli falsafah Barat yang sekular sejak zaman pencerahan (*enlightenment*) telah melakukan pensukularan manusia, alam dan agama. Akibatnya, makna dan peranan manusia, alam dan agama telah berubah daripada faham yang berasaskan agama kepada faham yang berasaskan akal rasional semata-mata. Sekularisme sebagai program falsafah sangat berbahaya kepada umat manusia dan telah pun membawa kerosakan yang dahsyat kepada alam. Ia telah meletakkan manusia sebagai satu-satunya yang berwenang terhadap alam semesta menggantikan peranan Tuhan (*deification of human being*).

Pada bahagian ini, penulis turut menerangkan tentang paradigma sekular dan liberal yang mencirikan peradaban Barat hari ini telah meruntuhkan semua kebenaran mutlak. Setiap dakwaan kebenaran telah menjadi relatif dari segi masa, relatif dari segi geografi, budaya dan status sosial, relatif dari segi sifat bahasa manusia yang terbatas dan relatif dilihat dari perspektif hermeneutika kerana setiap pemerhati adalah juga pentafsir. Maka, untuk mengatasi keterbatasan ini, perspektif yang lain harus diambil kira. Di sinilah faham pluralisme dianggap penting untuk menghalang manusia daripada kecenderungan memutlakkan yang relatif. Menyedari keterbatasan ilmu manusia ini, maka kita harus bersifat terbuka dalam menerima kepelbagaian pandangan, dan pada tahap ini kita bersetuju dengan idea pluralisme. Namun, apabila kita berbicara mengenai konteks yang lebih besar, iaitu tentang kebenaran dan realiti, dan bukan sebatas kebenaran dan realiti yang ditayangkan oleh akal fikiran manusia semata-mata, tetapi sesuatu yang ditayangkan oleh pandangan alam Islam maka kita harus berhati-hati kerana ia melibatkan bukan hanya ilmu manusia tetapi juga ilmu Tuhan yang telah disampaikan kepada manusia melalui para nabi dan rasul-Nya. Maksudnya di sini ialah, kita mempersoalkan faham pluralisme dalam wacana keagamaan dan bukan pluralisme dalam hal-hal yang lain.

Perbezaan antara yang agama dan yang bukan agama adalah penting untuk tidak menyamakan sesuatu yang sememangnya berbeza. Perbezaan di sini tidak bermakna kedua-duanya terpisah kerana kebenaran dan realiti dari perspektif Islam mestilah bersumberkan agama yakni bersumberkan Tuhan. Dalam melakukan hal ini, kita tidak memutlakkan yang relatif, tetapi memutlakkan yang mutlak selama mana kemutlakkannya dapat dipertahankan. Kita perlu sedar bahawa selain ancaman memutlakkan yang relatif, kita juga patut berhati-hati untuk tidak terjebak dalam kecenderungan untuk merelatifkan yang mutlak. Di sebelah Barat, terdapat

banyak usaha para failasuf Barat, terutamanya W.C. Smith dan John Hick dalam mensekularkan agama melalui teologi rasional dan historisisme sehingga timbulnya faham pluralisme agama yang kini mempengaruhi intelektual muslim. Maka, menurut mereka ini, pluralisme agama ialah suatu faham dan kepercayaan yang menegaskan bahawa kebenaran suatu agama itu tidak mutlak, tetapi nisbi dan separa. Oleh yang demikian, setiap agama adalah benar dan sah mengikut kayu ukur masing-masing.

Pecahan ketiga pada bab yang sama iaitu **Kecelaruhan Pengertian Pluralisme Agama** adalah membicarakan terdapatnya golongan pluralis dan inklusivis dalam kalangan umat Islam yang cenderung menyamakan pluralisme agama dengan keterbukaan terhadap kepelbagaian agama dan sikap toleransi beragama. Mereka berandaian bahawa pluralisme adalah suatu kemestian pada hari ini sebagai satu-satunya alternatif bagi menangani konflik antara umat beragama dan meningkatnya keganasan atas nama agama. Namun ramai yang mendukung dan mempromosikan idea ini celaru dan gagal memahami makna sebenar pluralisme agama sebagaimana yang dimaksudkan oleh pemikir dan pengagasnya.

Terdapat beberapa definisi yang diterima pakai oleh penulis-penulis Barat dan diikuti oleh penulis pluralis Islam iaitu:

- Pluralisme agama sama dengan kepelbagaian agama.

Umumnya, pluralis Islam menerima definisi ini. Ini boleh dilihat pada kecenderungan Hussin Mutalib mengertikan pluralisme agama sebagai penerimaan kepelbagaian agama, yang baginya telah dianjurkan oleh Islam. Hal yang sama diutarakan oleh Chandra Muzaffar apabila mengatakan bahawa pluralisme agama adalah kehidupan penganut agama yang pelbagai dalam sebuah masyarakat.

- Pluralisme agama sinonim dengan dialog antara agama.

Definisi ini dilihat lebih lunak. Pluralisme agama dilihat sebagai satu program atau usaha untuk mempromosikan sikap terbuka kepada kepelbagaian dan diharapkan dialog serta persefahaman akan dapat dibina. Namun begitu, keterbukaan ini tidak berhenti setakat itu sahaja kerana kelak, ia akan menuntut penganut setiap agama menerima penganut agama lain sebagai benar mengikut kriteria masing-masing.

- Pluralisme agama sebagai faham yang menerima keabsahan agama lain.

Definisi ini lebih popular di Barat apabila mereka menerimanya sebagai suatu idea atau faham yang menerima semua agama sebagai benar.

Pecahan keempat adalah menfokuskan kepada **Pengaruh Pluralisme Agama Terhadap Intelektual Muslim**. Penulis buku ini menyebut bagaimana wujudnya cendekiawan Islam yang menerima dan mendukung pluralisme agama dengan alasan bahawa Islam menerima kepelbagaian dan perbezaan agama sebagai hakikat yang dikehendaki oleh Allah. Mereka ini menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai bukti untuk menghalalkan bahawa Islam menganjurkan pluralisme dan inklusivisme. Misalnya, Abdulaziz Sachedina yang menetap di

Amerika merupakan cendekiawan Islam Shi'i yang terawal menyokong dan menjustifikasikan faham pluralisme agama dengan al-Quran. Di negara-negara Arab, faham pluralisme agama disebarkan oleh beberapa tokoh liberal seperti Nasr Hamid Abu Zaid dan Jamal al-Banna. Abu Zaid mengemukakan konsep agama cinta (*religion of love*) yang baginya merupakan inti dalam beragama dan asas penting bagi pluralisme dan inklusivisme. Manakala Jamal al-Banna yang beraliran sosialis iaitu saudara kandung kepada Hasan al-Banna telah menegaskan bahawa agama apapun yang dianut oleh seseorang itu tidak penting, yang paling penting ialah mereka berbuat baik. Menurut Jamal, sesiapa sahaja boleh masuk syurga asalkan mereka orang yang baik.

Di Malaysia, penulis buku ini melihat Osman Bakar juga mendukung pluralisme agama dengan menggunakan dalil ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 62 yang baginya menunjukkan bahawa al-Quran mengiktiraf keimanan golongan Yahudi, Nasrani dan Sabi'in. Dalam salah satu bukunya, Osman Bakar mengatakan bahawa satu versi pluralisme perlu diperkenalkan mengikut cara pandang orang Islam dengan menyandarkan idea pluralisme Islamnya dengan polisi dan amalan Rasulullah ketika pembinaan Madinah. Pluralisme Islam yang beliau perkenalkan walaupun tampak samar-samar tetapi memiliki visi, falsafah dan tujuan yang sama, yang diperkenalkan oleh sarjana-sarjana Barat. Muhammad Hashim Kamali juga tidak terkecuali dilihat menyokong pluralisme agama apabila beliau menerima versi inklusivisme dan kemudiannya dilihat bersetuju dengan pandangan Chandra Muzaffar yang memaknakan pluralisme agama sebagai “kehidupan bersama antara penganut pelbagai agama dalam sebuah masyarakat”. Di sini jelas kekeliruan Hashim Kamali kerana jika pluralisme agama hanya bermakna kepelbagaian agama dan jaminan kebebasan beragama maka tiada keperluan untuknya mengatakan bahawa penganut agama Nasrani dan Yahudi juga akan selamat di akhirat (masuk syurga).

**Meluruskan kekeliruan** adalah pecahan kelima dalam bab yang sama. Pada bahagian ini, penulis menjelaskan tentang perkataan Islam menurut al-Quran dan hadis. Definisi yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W dan disahkan oleh Jibril A.S iaitu ketundukan dan penyerahan diri yang benar kepada Allah. Oleh itu, sebarang usaha untuk merombak definisi ini akan tertolak kerana tiada autoriti yang lebih tinggi daripada Rasulullah S.A.W di dunia ini. Oleh sebab itu, definisi ini juga tiada yang dapat mengatakan bahawa agama Yahudi dan Nasrani juga memiliki rukun-rukun yang sama yang disebutkan dalam hadis sehingga boleh dipanggil sebagai Islam.

Peristiwa yang digambarkan dalam hadis ini berlaku di hadapan para sahabat dan ia bertujuan menunjukkan kepada mereka bahawa baginda Rasulullah menerimanya dari langit. Oleh yang demikian ketika baginda ditanya siapakah yang datang itu, baginda mengatakan bahawa “*Ia adalah Jibrail, yang datang untuk mengajarkan kalian tentang agama kalian*”. Hadis ini antara banyak hadis lain yang menegaskan bahawa Islam telah menjadi suatu istilah yang merujuk agama yang telah disempurnakan oleh Allah S.W.T pada nabi-Nya yang terakhir. Oleh itu,

istilah Islam tidak boleh didangkalkan menjadi perkataan umum sehingga boleh juga merujuk agama Yahudi dan Nasrani, sebagaimana yang telah dilakukan oleh golongan pluralis.

Penulis juga menegaskan wujudnya kesepakatan golongan pluralis yang menganggap bahawa seperti Islam, agama-agama Yahudi dan Nasrani juga ialah agama-agama yang diwahyukan (*revealed religions*), agama samawi, yang diturunkan oleh Allah S.W.T. Oleh sebab itu, semuanya dianggap sah di sisi Allah. Tidak dinafikan bahawa banyak daripada ajaran-ajaran asal yang terdapat pada agama-agama ini dibawa oleh nabi Musa A.S dan nabi Isa A.S, namun ini tidak bermakna bahawa mereka bertanggungjawab kepada kewujudan agama-agama ini dari segi hakikat dan rupa bentuknya yang ada pada hari ini. Ketika Allah S.W.T menafikan bahawa nabi Ibrahim ialah seorang Yahudi atau Nasrani sebagaimana yang didakwa oleh mereka, bahkan sebaliknya Allah menegaskan bahawa beliau ialah seorang *muslim* dan *hanif* (beragama dengan agama yang benar). Hal ini bermaksud juga bahawa orang Yahudi dan Nasrani bukan *muslim* dan *hanif*. Dengan kata lain Allah S.W.T tidak pernah menurunkan agama Yahudi dan Nasrani, agama-agama ini adalah agama budaya, yang telah terseleweng daripada agama yang diturunkan oleh Allah, daripada prinsip tauhid.

Perbincangan dilanjutkan oleh penulis buku ini dalam pecahan keenam pada bab pertama iaitu **Tauhid dan Pluralisme Agama**. Bahagian ini menjelaskan konsep tauhid yang dijelaskan oleh al-Quran adalah berlawanan dengan faham pluralisme agama. Tauhid ialah inti risalah semua nabi dan rasul, dan oleh sebab agama mereka adalah satu, ia dipanggil *millah* Ibrahim dan agama *hanīfi*. Namun, kemudian ia dinamakan Islam setelah disempurnakan pada zaman Rasulullah S.A.W. Pendukung pluralisme umumnya beranggapan bahawa setiap nabi dan rasul memiliki agama yang berbeza. Oleh sebab itu semua agama ini dianggap sah dan benar. Istilah agama-agama samawi ialah istilah yang baharu yang dibawa daripada konsep *revealed religions* dalam tulisan sarjana-sarjana Barat. Istilah ini tidak ditemui dalam tulisan ilmuwan-ilmuwan Islam terdahulu. Istilah ini boleh memesongkan akidah apabila yang dimaksudkan agama-agama Yahudi dan Nasrani ialah agama-agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T, bahawa ia adalah agama yang dibawa oleh para nabi yang diutus oleh Allah. Walhal ia merupakan penyelewengan daripada agama yang benar dari ajaran para nabi tersebut.

Pluralisme agama bukan hanya bertentangan dengan tauhid, tetapi pluralis juga berusaha merombak prinsip penting ini agar bersesuaian dengan faham pluralisme agama. Tauhid menegaskan bahawa terdapat satu Tuhan yang benar, al-Quran menerangkan nama Tuhan yang sebenar ini, sifat-sifat-Nya, mengenai kekuasaan dan keagungan-Nya. Wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T memberikan gambaran yang jelas tentang hakikat kebenaran dalam beragama. Manakala pluralisme berbicara tentang hakikat yang berbeza dan tuhan yang berbeza, untuk diakui sebagai hakikat yang sama, tuhan yang sama. Ia adalah merupakan pencerobohan apabila seseorang itu mengatakan bahawa Tuhan yang disembah dalam agama-agama yang berbeza ini adalah Tuhan yang sama. Dalam al-Quran, dijelaskan bahawa konsep Tuhan dalam Islam sangat

berbeza dengan konsep-konsep tuhan yang diajarkan dalam agama lain. Dalam surah al-Ikhlās, Islam menolak konsep Trinitī, konsep tuhan mempunyai anak atau reinkarnasi.

Pecahan terakhir dalam bab satu ialah **Pluralisme Agama dan Akal Sihat** merupakan satu perbincangan tentang perkaitan akal dengan pluralisme agama. Akal yang sihat tidak akan menyamakan agama budaya yang tidak suci dengan agama *tanzīl* yang suci. Perbezaan antara agama-agama ialah perbezaan yang hakiki. Kerana kita tahu bahawa terdapat agama yang tidak memiliki konsep tuhan, bahkan cenderung ateis. Misalnya agama pribumi, dibanyak tempat adalah bertuhankan alam tabii. Konfusianisme pula tidak memiliki konsep tuhan, yang ada hanyalah pemujaan nenek moyang. Ajaran yang dibawa oleh Kung Fu Tse ini hanyalah ajaran moral. Agama Hindu seperti agama Yunani dahulu kala percaya kepada banyak tuhan. Dalam agama Hindu, Tuhan memiliki berbagai-bagai rupa. Tuhan menjelma dalam segala bentuk dan rupa, penganut Hindu percaya pada inkarnasi, bahkan ada menganggap tuhan menjelma sebagai manusia. Ayat al-Quran banyak menepelak kepada penyembahan berhala dan binatang yang dianggap suci tetapi pada hakikatnya tidak dapat memberi manfaat dan mudarat dengan sendirinya. Orang yang berakal sihat tidak akan dapat menerima tuhan dalam agama-agama ini adalah sama dengan tuhan yang disembah oleh orang Islam.

Bab dua buku ini iaitu **Islam Agama Sebenar** dimulakan perbincangan dengan menfokuskan **Agama Fitrah** sebagai pecahan pertama. Bahagian ini mengupas tentang sifat semulajadi dan kecenderungan manusia yang dilahirkan ke dunia untuk mempercayai kewujudan tuhan yang menciptakan dirinya dan segala yang wujud di dunia. Berdasarkan hakikat keadaan suci (fitrah) manusia ini, sebelum dipengaruhi oleh sebarang pemikiran dan fahaman yang memesongkan, maka setiap manusia sebenarnya mempunyai kewajipan untuk mengenal Tuhannya. Pencarian itu ialah tuntutan nurani yang suci, adapun keadaan mengetahui kebenaran tentang Tuhan itu ialah berkat petunjuk (hidāyah) daripada Allah S.W.T.

Bahagian kedua adalah tentang **Agama Hanīf**. Bahagian ini menjelaskan tentang usaha dalam kalangan pluralis, khususnya perennialis Muslim seperti Seyyed Hossein Nasr, untuk menyamakan agama *primordial* dengan agama *hanīf* yang disebutkan dalam dalam al-Quran dan Hadis. Surah *Āli ‘Imrān* ayat 67 berbunyi :

Maksud : *Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk ugama Yahudi dan bukanlah ia seorang pemeluk ugama Kristian, tetapi ia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid (hanīf) sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.*

Perkataan *hanīf* dalam bahasa Arab memiliki makna dan konotasi yang saling berkait rapat. Pada umumnya, para ahli bahasa dan ahli tafsir bersepakat mengatakan bahawa pada akhirnya yang dimaksudkan dengan *al-hanīf* adalah *al-muslim* (orang Islam). Hal ini kerana hanya Islam yang tetap dengan dasar Tauhid. Perkataan *hanīf* dikaitkan dengan nabi Ibrahim kerana masyarakat

Arab percaya nabi Ibrahim pembawa agama yang benar, dan pengikut nabi Ibrahim adalah mengamalkan haji dan khitan, iaitu sebelum diutusnyanya Rasullullah S.A.W. Maka setelah kedatangan Islam, orang Islam pula yang disebut sebagai *al-hanīf*. Dalam konteks inilah perlu difahami bahawa risalah yang dibawa oleh Rasullullah S.A.W merupakan sambungan dan lanjutan kepada risalah yang dibawa oleh nabi Ibrahim dan nabi-nabi A.S yang lain.

Bahagian Ketiga adalah mengenai **Kesatuan Risalah Para Nabi dan Rasul**. Penulis menjelaskan bahawa para nabi dan rasul diutuskan untuk membimbing manusia agar tidak melupakan tujuan mereka diciptakan dan peranan mereka di atas dunia. Atas sifat alpa sebagai kelemahan manusia, maka para nabi dan rasul yang diutuskan untuk adalah contoh dan tauladan bagi umat manusia. Dari segi akhlak, keperibadian, kecerdasan, kebijaksanaan dan nasabnya, mereka amat disegani dan disanjung tinggi. Inti risalah para nabi dan rasul yang diutus oleh Allah adalah sama, tidak lain dan tidak bukan adalah tauhid. Semua nabi dan rasul menyeru kepada tauhid. Disebabkan persamaan inti pati inilah maka agama semua nabi dan rasul adalah sama. Kalimah tauhid *Lā ilāha illa 'Llāh* yang dikongsikan oleh seluruh utusan Allah pada zaman ini digandingkan dengan kalimah *Muhammad Rasulu'Llah*. Kedua-duanya tidak dapat dipisahkan kerana pengakuan terhadap Allah sebagai tuhan sebenar tidaklah benar dan hanya menjadi pengakuan yang palsu jika seseorang itu menolak apa yang Allah S.W.T perintahkan iaitu mengikuti pesuruh-Nya pada akhir zaman ini iaitu Rasullullah S.A.W. Islam satu-satunya agama yang diturunkan oleh Allah, yang disempurnakan pada hayat Baginda Rasullullah S.A.W.

**Agama Universal** adalah tajuk kepada pecahan keempat pada bab kedua. Bahagian ini dibincangkan tentang mutlaknyanya tauhid sebagai intipati agama yang telah disampaikan oleh seluruh nabi dan rasul pilihan di sepanjang sejarah manusia. Setiap nabi dan rasul ini hanya diutuskan kepada kaum mereka sahaja kecuali Muhammad S.A.W, sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang bermaksud;

*“para nabi diutus kepada kaum mereka secara khusus dan aku diutus kepada umat manusia secara umum (ila al-nāsi ‘āmmatan)”*.

Terdapat banyak hadis yang menjelaskan bahawa nabi Muhammad S.A.W ialah nabi yang terbesar di antara nabi-nabi yang lain dan mendapat keutamaan di akhirat kelak berbanding nabi yang lain. Perbezaan kedudukan dan peranan Rasullullah S.A.W berbanding para nabi yang lain amat ketara. Jika para nabi yang lain diutuskan untuk umatnya masing-masing dan pada masa tertentu sahaja, Rasullullah diutuskan untuk seluruh umat manusia sehingga ke akhir zaman.

Agama Allah yang pada mulanya sederhana disampaikan oleh para nabi dan rasul sejak nabi Adam hingga nabi Isa, sesuai dengan keperluan umat manusia ketika itu yang tidak begitu kompleks dan rumit seperti hari ini. Kemudiannya, pada zaman Rasullullah, agama itu telah dilengkapkan dan disempurnakan untuk keperluan yang lebih mencabar lagi. Dengan penyempurnaan ini maka agama tersebut tidak memerlukan penambahan dan penyempurnaan yang lain lagi. Dengan demikian, agama Islam walaupun sejak zaman nabi Adam, namun ia

tidak sempurna dan tidak dapat disebut agama dalam ertikata yang sebenar, sebagai *dīn*, yang menuntut adanya sistem dan aturan lengkap untuk kehidupan manusia yang bertamadun. Oleh yang demikian, perbezaan antara agama atau kepelbagaian agama tidak timbul apabila bercakap tentang nabi dan rasul yang diturunkan oleh Allah S.W.T.

**Tauhid: Penegasan Keesaan Tuhan** adalah pecahan kelima dalam bab kedua buku tulisan Dr. Khalif Muammar. Dalam bahagian ini, beliau menegaskan bahawa tauhid ialah syi'ar Islam. Tauhid menegaskan hanya ada satu Tuhan yang benar iaitu Allah S.W.T. Dalam *Surah al-Ikhlās*, Allah menegaskan bahawa Allah itu Esa (*Ahad*) dan *al-Samad* (Kekal Abadi, kewujudan-Nya tidak bergantung pada yang lain), dan seterusnya bahawa Allah tidak beranak dan tidak diperanakan (*lam yalid walam yūlad*), dan tiada sesuatupun yang dapat menandingi-Nya (*walam yakun lahū kufuwan ahad*). Empat ayat daripada surah tersebut sebenarnya telah menolak kesemua konsep ketuhanan selain Islam, seperti konsep trinititi, politeisme, panteisme, panenteisme, anak tuhan, animisme, inkarnasi, pluralisme dan monisme.

Seterusnya, penulis menyambung perbincangan dengan menfokuskan kepada **Antara Iman dan Kufur** sebagai pecahan keenam. Beliau membincangkan tentang persoalan iman dan kufur ialah persoalan yang sangat penting dan asasi yang jika tidak berhati-hati akan menyebabkan kekeliruan ramai golongan. Pada hakikatnya, iman bukan hanya sekadar percaya dalam pengertian yang umum sehingga boleh digunakan terhadap berbagai-bagai perkara, teori, ideologi, mitos dan sebagainya. Sedangkan *īmān* ialah sesuatu yang sampai ke tahap menetap di dalam hati (*i'iqād*) dan kerananya tidak berubah dan tidak bersifat sementara. Iman dari segi bahasa ialah *al-tasdiq* (mempercayai sesuatu sebagai benar) dengan hati (*al-qalb*) dan lawan *tasdiq* ialah *takdhīb* (pendustaan) yang menyebabkan kekufuran. Iman dalam Islam tidak dapat dipisahkan daripada *yaqīn*. Iman bertitik tolak daripada keyakinan akan kebenaran sesuatu perkara. Kerana itu pada umumnya, para ulama bersepakat bahawa dari segi istilah, iman ialah membenaran dalam hati (*al-tasdiq bi al-qalb*), pernyataan dengan lidah (*al-iqrār bi al-lisān*) dan perbuatan dengan tubuh badan (*al-ʿamal bi al-arkān*). Keyakinan dalam hati ini berpunca daripada ilmu. Iman menetap dalam hati manusia yang sedar akan hakikat dirinya dan tuhaninya. Keyakinan bahawa Allah ialah Tuhannya yang sebenar dan tiada Tuhan selainnya. Ilmu yang paling utama bagi orang yang beriman adalah ilmu tauhid. Ia merupakan ilmu yang dapat membawa seseorang kepada ibadah (penghambaan diri) kepada Allah dengan sebenar-benarnya dan dengan ilmu ini seseorang itu dapat terhindar daripada menjadi orang yang kafir, musyrik dan munafik. Seterusnya, ilmu tentang al-Sunnah dan Shari'ah. Dengan ilmu ini, seseorang itu akan terselamat daripada kekeliruan kelompok-kelompok yang sesat.

Pecahan terakhir dalam bab kedua adalah tentang **Kesepakatan Umat dan Ijma' Para Ulama'**. Penulis buku ini menyebut tentang teks-teks akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menegaskan konsep *khātam al-nabiyyīn*, dan pemansukhan shari'at-shari'at yang dibawa oleh para nabi sebelum nabi Muhammad oleh shari'ahnya, serta kewajipan umat akhir zaman untuk beriman



kepada nabi Muhammad S.A.W. Ini boleh dibuktikan oleh pelbagai kitab tulisan pelbagai ulama seperti Imam Najmuddin al-Nasafi yang menyebut bahawa iman ialah membenaran atau kepercayaan terhadap apa yang dibawa oleh Muhammad S.A.W daripada Allah dan mengikrarkannya adalah syarat. Perkara ini disokong oleh Imam al-Ghazali dan Imam al-Shahrastani. Maka dapat ditegaskan di sini bahawa prinsip kebenaran mutlak agama Islam merupakan suatu *ijmā* sejak zaman awal Islam sehingga ke hari ini. Para ulama juga bersepakat, berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah, bahawa kekufuran orang bukan Islam ialah sesuatu yang jelas dan nyata, mereka akan tetap dianggap sebagai kafir dan bukan orang mukmin yang beragama Islam.

Penulis buku ini mengakhiri penulisannya dengan sebuah penutup yang menegaskan bahawa pluralisme agama sebagai suatu faham yang menekankan ketidakmutlakan kebenaran suatu agama, sebaliknya mengetengahkan kebenaran yang nisbi dan *partial* (separa atau terbatas), berkesimpulan bahawa setiap agama adalah benar dan sah mengikut kayu ukur masing-masing. Oleh sebab itu, setiap agama, menurut para pendukung pluralisme agama, mahu tidak mahu mesti menerima faham ini jika ia tidak mahu dinilai sebagai eksklusivis dan tidak toleran. Golongan pluralis umumnya sangat sensitif dengan dakwaan orang Islam terhadap kebenaran mutlak agamanya, namun mereka sendiri gagal memberikan bukti bahawa orang bukan Islam juga akan memasuki syurga tanpa perlu beriman kepada Allah yang telah diajar oleh Muhammad S.A.W.

Penulis juga menolak dakwaan bahawa kebenaran merupakan tafsiran manusia yang selamanya bersifat separa atau terbatas (*subjektif dan partial*). Oleh sebab itu, ia tidak seharusnya dimonopoli oleh mana-mana pihak, kerana menegaskan bahawa ketika umat Islam mengucapkan kesaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan bahawa agama Islam sahaja yang benar di sisi Allah, ia bukanlah hasil pemikiran manusiawi melainkan sesuatu yang ditegaskan oleh wahyu dan ilmu Allah yang diberikan kepada Nabi terakhir, Rasulullah S.A.W. untuk disampaikan kepada umat manusia. Apa yang dilakukan oleh para ilmuwan Islam yang menolak pluralisme agama adalah bersikap jujur dan tulus serta berpegang teguh kepada ajaran yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Sesungguhnya teori pluralisme dan kesatuan agama dibangun atas landasan keraguan dan oleh sebab itu ia terlepas dari landasan kepastian.

Dari segi kandungan, buku ini amat sesuai untuk semua lapisan masyarakat Malaysia khususnya buat umat Islam yang hari ini dilanda kekeliruan dan kecelaruan. Buku ini dilahirkan tepat untuk membetulkan pemikiran yang kian diracuni dan dirosakkan oleh doktrin tertentu yang menatijahkan perpecahan umat Islam kepada blok-blok pemikiran tertentu.

**Rohaini Amin**

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor